



**BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 4-8, BLOK E9
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUTRAJAYA.**



KERTAS KERJA

KOD DAN NAMA PROGRAM / PROGRAM CODE AND NAME	AF-010-1 PEKERJA AM TANAMAN	
TAHAP / LEVEL	TAHAP 1	
NO DAN TAJUK MODUL / MODULE NO AND TITLE	M12 PEMBERSIHAN TAPAK TANAMAN	
NO DAN PERNYATAAN TUGASAN TASK(S) NO AND STATEMENT	06.03 LAKUKAN KERJA MERUMPAI 01.01 BERSIH TAPAK TANAMAN	
OBJEKTIF MODUL / OBJECTIVE MODULE	BERSIH TAPAK TANAMAN MENGGUNAKAN PERALATAN PEMBERSIH TAPAK TANAMAN, PERALATAN MERACUN, MESIN RUMPUT, KERETA SORONG DAN PAKAIAN KESELAMATAN SUPAYA PERALATAN KERJA DIPEROLEHI, RUMPAI DITAPAK TANAMA DITEBAS, DITARAH, DIRACUN, SISA RUMPAI DIKUMPUL DAN TAPAK TANAMAN DIPASTIKAN BERSIH DARI RUMPAI MENGIKUT MANUAL TANAMAN.	
NO KOD / CODE NO	AF-010-1/M01/P(1/1)	Muka : 1 Drp : 11

TAJUK : PEMBERSIHAN TAPAK TANAMAN

TUJUAN.

Kertas penerangan ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran dalam kerja membersih tapak tanama dengan cara manual menggunakan peralatan dan bahan pembersihan

1. PENGENALAN :**1.1 Maksud pembersihan**

Pembersihan bermaksud mencuci , membuang kotoran dan bahan yang tidak dikehendaki. Kerja pembersihan meliputi kerja menebas, menarah, meracun, memesin rumput, mengumpul rumput yang telah ditebas dan ditarah. Aktiviti pembersihan dilaksanakan diperingkat sebelum tanah dibajak atau selepas tanaman ditanam. Pelaksanaan aktiviti yang sempurna akan memudahkan kerja-kerja terkemudian dapat dilaksanakan dengan lebih mudah. Kerja pembersihan elok dilaksanakan pada awal musin panas.

1.2 Definisi rumput

Rumput adalah tumbuhan yang tidak diperlukan dalam sesuatu kawasan. Pertumbuhannya lebih cepat dari pokok yang ditanam.

1.3 Definisi sampah

Sampah ialah sisa buangan (guni , tin, bekas racun, plastik, kertas dan juga sisa buangan tumbuhan).



Gambar 1 : Tapak belum bersih

2. Kepentingan membersih tapak tanaman

- a. Menentukan kecekapan aktiviti kerja berjalan dengan lancar.
- b. Penggunaan kawasan tanaman dengan sepenuhnya.
- c. Meningkatkan hasil produktiviti.
- d. Mengurangkan input pengeluaran.

PERALATAN/BAHAN	KEGUNAAN
a) Mesin rumput 	
b) Parang panjang 	
c) Pencakar 	

d) Kereta sorong



e) Cangkul



f) Baldi



g) Pakaian keselamatan



h) Pam-pam penyembur racun



NO KOD / CODE NO	AF-010-1/M01/P(1/1)	Muka : 6 Dpd : 11
------------------	-----------------------	-------------------



i) Racun



j) Penyukat racun



2.1 Kaedah membersihkan tapak tanaman cara manual.

a)

Diperingkat permulaan sebelum kawasan tanaman hendak dimajukan, rumpai yang ada hendaklah ditebas. Kerja menebas dilakukan pada musim panas. Rumpai yang ditebas akan cepat kering dan mudah untuk dilupuskan. Cara menebas bergantung kepada kawasan tapak tanaman dan rumpai yang terdapat di kawasan tersebut. Kerja menebas di kawasan tanah berbukit dan berlereng lebih rumit dibanding dengan tanah rata. Rumpai yang berbatang dan bersaiz kecil sesuai ditebas dengan menggunakan parang panjang, manakala bersaiz kecil dan jenis tidak berbatang sesuai menggunakan sabit panjang.



Gambar 2: Menebas rumpai

b)

Kerja menarah rumpai dilakukan dibahagian pangkal pokok tanaman, tarah rapat dengan tanah tanpa merosakkan akar tanaman. Mata cangkul yang berbentuk rata sesuai untuk kerja menarah.



Gambar 3 : Menarah rumput

c)

Penggunaan pam racun bergalas sesuai digunakan bagi mengawal rumpai dikawasan tanaman yang bersaiz kecil. Kawasan tanaman bersaiz besar gunakan power sprayer atau High power sprayer. Penggunaan High power sprayer hendaklah dikendalikan lebih dari seorang bergantung kepada keluasan tapak, ketebalan rumpai dan jauh jarak getah semburan akan ditarik dari kedudukan tangki racun. Pastikan pam selamat digunakan, buat pemilihan jenis racun , jenis rumpai kadar bancuhan yang ditentukan. Kerja penyemburan elok dilakukan pada awal pagi.



Gambar 4 : Meracun rumpai

d)

Penggunaan mesin rumput lebih ekonomik jika dibandingkan dengan cara menebas menggunakan parang. Rumpai yang bersaiz kecil boleh menggunakan tali nylon sebagai menggantikan mata mesin kerana ia lebih selamat. Lakukan kerja memesis dengan pergerakan kaki ke hadapan. Bagi tidak terkena kaki, mata mesin dan kaki mempunyai jarak kurang lebih (1.5 kaki) semasa melaksanakan kerja memesis.

Anak pokok yang telah ditebas hendaklah dipotong pendek, ini memudahkan kerja untuk mengumpul dan diisi dalam plastik atau kereta sorong dan dibawa ketempat pengumpulan dan dilupuskan.



Gambar 5 : Memesis rumpai

2.2 Langkah Keselamatan :

Keselamatan pengendalian alat/bahan perlu dipatuhi bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kecederaan berlaku.

a. Penggunaan cangkul / parang

- Pemeriksaan peralatan berkeadaan baik
- Bawa ketempat kerja dengan selamat
- Tarah / tebas rumpai
- Cuci dan simpan peralatan

b. Penggunaan Pam penyembur racun bergalas

- Pemeriksaan pada pam penyembur (baik dan selamat digunakan)
- Lakukan uji pada pam racun sebelum digunakan
- Lakukan bancuhan racun dengan betul
- Laksanakan kerja menyembur rumpai
- Bersih dan simpan nam dalam setor